

**UCAPAN
Y.BHG. PROF DATO' DR. MUSA AHMAD
NAIB CANSELOR
UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA**

**SEMPENA
MAJLIS PERASMIAN PENUTUP KEJOHANAN
SUKAN STAFF ANTARA UNIVERSITI
MALAYSIA (SUKUM) KE-41 2016**

**13 OGOS 2016 (SABTU) • KOMPLEKS SUKAN TUNKU
NAJIHAH • 5.00 PETANG**

Terima kasih pengerusi majlis

Bismillahirrahmanirrahim (Dengan Nama Allah

Yang Maha Pengasih Lagi Maha Penyayang)

Serta Selawat dan Salam Atas Junjungan

Rasulullah S.A.W

Assalamualaikum wa Rahmatullahi wa

Barakatuh, Salam Sejahtera, Salam Satu

Malaysia dan Salam Integrasi Naqli dan Aqli

[SALUTASI]

1. Bersyukur kita ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia dan keizinanNya dapat kita berkumpul pada petang ini bagi menyempurnakan Majlis Penutup Sukan Staf Antara Universiti Malaysia (SUKUM) Ke-41 2016.
2. Dikesempatan ini saya ingin menzahirkan rasa bangga atas semangat juang dan semangat kesukanan yang tinggi yang telah dipamerkan sepanjang berlangsungnya kejohanan SUKUM kali ini. Walaupun kita sedia maklum kebanyakan dari kita sibuk

dengan tugas hakiki di pejabat, namun sanggup mengorbankan masa melibatkan diri dengan aktiviti sukan dengan membawa nama dan maruah universiti masing-masing.

3. Kejohanan SUKUM 2016 yang telah berlangsung sejak 6 Ogos lalu ternyata mencatat sejarah bermakna buat kami warga USIM kerana sejak USIM mula ditubuhkan 15 tahun yang lalu, ini merupakan pertemuan warga universiti awam terbesar pernah kami terima dengan melibatkan lebih 3600 orang atlet dan pegawai selepas penganjuran Kejohanan Sukan MASUM pada edisi 2010 yang lalu. Sesungguhnya kehadiran tuan-tuan dan puan-puan ke USIM merupakan penghormatan buat kami yang tidak akan kami lupakan. SUKUM merupakan platform yang terbaik bagi mencungkil bakat-bakat sukan dikalangan kakitangan universiti awam di samping kejohanan ini juga mampu menjadi media bagi mengeratkan silaturahim dan memperkasakan hubungan universiti awam sebagai hab pendidikan tinggi di Malaysia.
4. Dikesempatan ini saya bagi pihak tuan rumah ingin merakamkan jutaan penghargaan dan terima kasih kepada semua kontingen yang terlibat dalam menjayakan penganjuran SUKUM pada kali ini. Terima kasih buat beberapa agensi serta rakan

strategik seperti Bahagian Sukan Kementerian Pendidikan Tinggi yang diketuai oleh Setiausaha Bahagian Sukan, En Hazzaly Jali yang memberikan sokongan dan bantuan kewangan bagi menjayakan penganjuran SUKUM 2016, kepada Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) yang turut membantu kami menyediakan *venue* bagi acara bola tampar, Majlis Sukan Negeri Sembilan bagi *venue* Lawn Bowl, Kolej Tuanku Jaafar bagi penyediaan *venue* Sepak Takraw, juga kepada Jabatan Bomba & Penyelamat Negeri Sembilan yang turut membantu kami dalam menyediakan bantuan alatan bagi acara ping pong yang turut digunakan semasa Sukan Bomba Malaysia baru-baru ini serta pihak Polis Diraja Malaysia yang membantu melancarkan tugas yang berkaitan. Turut diraikan rakan media dari pelbagai agensi media seperti RTM, TV3, Berita Harian, Harian Metro, Utusan Malaysia dan khususnya kepada akhbar KOSMO yang sudi menjadikan berita-berita terkini SUKUM 2016 mendapat liputan terbaik walaupun terpaksa bersaing dengan liputan sukan Olimpik Brazil serta tidak ketinggalan buat radio Suria FM yang menjadi radio promosi SUKUM 2016 sejak 2 minggu yang lalu menghebahkan setiap liputan dan aktiviti SUKUM 2016.

5. Tidak lupa juga, ucapan terima kasih dan penghargaan juga kepada jentera penting penganjuran SUKUM iaitu kepada para pengadil dari persatuan sukan tempatan dan kebangsaan, pegawai teknikal & pertandingan dikalangan warga USIM dan Universiti Awam, petugas perubatan dan kecemasan dari beberapa Universiti Awam yang membantu pihak Jawatankuasa Perubatan USIM sepanjang kejohanan bagi melancarkan tugas bantuan awal kecemasan di *venue* pertandingan.

6. Satu lagi, tanpa mereka SUKUM 2016 pasti tidak berjalan lancar. Setinggi-tinggi penghargaan saya dan mungkin juga dari kita semua kepada 250 orang sukarelawan dikalangan mahasiswa dan mahasiswi yang bukan sahaja hadir menawarkan diri dikalangan warga USIM tetapi ada diantara mereka juga datang dari Universiti Awam dan IPT lain seperti Politeknik, Kolej Komuniti, IPTS yang setia bersama kami memastikan perjalanan penganjuran ini dipenuhi sebagaimana yang dirancang. Kepada mereka, tiada nilai yang dapat ditebus dengan wang ringgit, tiada penghormatan yang dapat ditebus walau sebesar gunung dan seluas lautan, hanya kepada Allah kami memohon semoga segala kebaikan dan pengorbanan yang saudara & saudari curah diberikan sebaik ganjaran oleh yang Maha Esa. (Para

hadirin, marilah kita bangun beramai-ramai dan kita berikan tepukan gemuruh buat mereka semua) Dikesempatan ini juga saya bagi pihak universiti ingin mengucapkan terima kasih kepada Jawatankuasa Induk SUKUM dan seluruh warga UA atas kepercayaan kepada kami menjadi penganjur bagi edisi ke 41, dan dengan rendah diri memohon jutaan kemaafan sekiranya sepanjang tuan-tuan & puan-puan berada disini ada sebarang kesalahan, kesilapan dan kelemahan yang disedari atau sebaliknya kami memohon ampun dan maaf.

7. Kepada Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) tahniah buat anda semua atas kepercayaan pemilihan untuk menjadi tuan rumah edisi ke 42 / 2017, doa kami semoga UPSI akan menjadi penganjur yang lebih baik dan sekiranya ada sebarang bantuan pihak USIM selaku tuan rumah edisi 2016 sedia membantu Inshallah.

8. Akhir kalam, dengan tulus ikhlas saya ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada semua yang terlibat di atas sokongan berterusan dalam menjayakan kejohanan ini. Tidak lupa juga kepada kontingen yang datang dari jauh dan dekat agar selamat pulang ke destinasi masing-masing.

Sekian, *wabillahitaufik walhidayah*
wassalamua'laikum warahmatullahi
wabarakatuh.